



29 Jun 2013
29 June 2013
P.U. (A) 207

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM
(SYARIKAT PEMEGANGAN KEWANGAN)
(KETIDAKPAKAIAN DAN PEMAKAIAN DENGAN
UBAH SUAIAAN) 2013

*ISLAMIC FINANCIAL SERVICES (FINANCIAL HOLDING
COMPANY) (NON-APPLICATION AND APPLICATION
WITH MODIFICATION) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM (SYARIKAT PEMEGANGAN KEWANGAN) (KETIDAKPAKAIAN DAN PEMAKAIAN DENGAN UBAH SUAIAIN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 127(2) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*], Menteri, atas syor Bank Negara Malaysia, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan Islam (Syarikat Pemegangan Kewangan) (Ketidakpakaian dan Pemakaian dengan Ubah Suaian) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Ketidakpakaian peruntukan Bahagian VI Akta

2. Peruntukan Bahagian VI Akta yang berikut tidak terpakai bagi suatu syarikat pemegangan kewangan:

(a) perenggan 65(2)(f);

(b) perenggan 65(3)(b);

(c) perenggan 66(1)(e);

(d) Penggal 5; dan

(e) Penggal 6.

Pemakaian dengan ubah suaian peruntukan Bahagian VI Akta

3. Peruntukan Bahagian VI Akta diubah suai selaras dengan objektif pengawalseliaan Akta, hendaklah terpakai bagi suatu syarikat pemegangan kewangan sebagaimana yang diubah suaikan sedemikian mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[Perenggan 3]

*Peruntukan dalam
Bahagian VI*

Ubah suaian

Seksyen 57

Subseksyen 57(1) diubah suai dalam perenggan (a) dan (b) dengan memasukkan selepas perkataan “institusi” perkataan “atau kumpulan kewangan”.

Seksyen 65

Perenggan 65(2)(a) diubah suai dengan—

- (a) memasukkan perkataan “kumpulan kewangan” selepas perkataan “risiko”;
- (b) menggantikan perkataan “institusi” dengan perkataan “orang berlesen dalam kumpulan kewangan”; dan
- (c) memotong perkataan “dan standard urus niaga adil yang munasabah”.

Perenggan 65(2)(b) diubah suai dengan menggantikan perkataan “institusi” dengan perkataan “kumpulan kewangan”.

Perenggan 65(2)(d) diubah suai dengan menggantikan perkataan “institusi” dengan perkataan “kumpulan kewangan”.

Perenggan 65(2)(e) diubah suai dengan menggantikan perkataan “institusi” yang terdapat selepas perkataan “kekukuhan”, dengan perkataan “kumpulan kewangan”.

Perenggan 65 (3)(a) diubah suai dengan menggantikan perkataan “, mengikut mana-mana yang berkenaan, pendeposit, pemegang akaun pelaburan dan peserta takaful institusi itu atau peserta; dan” dengan perkataan “orang berlesen dalam kumpulan kewangan itu.”.

Seksyen 81

Perenggan 81(c) diubah suai dengan menggantikan perkataan “pendeposit, pemegang akaun pelaburan, peserta takaful, pemiutang institusi itu, peserta atau pengguna” dengan perkataan “pemiutang syarikat pemegangan kewangan itu, atau orang berlesen dalam kumpulan kewangan itu”.

Perenggan 81(d) diubah suai dengan—

- (a) menggantikan perkataan “pendeposit, pemegang akaun pelaburan, peserta takaful, pemiutang institusi itu, peserta atau pengguna, mengikut mana-mana yang berkenaan,” dengan perkataan